

# PM mahu pertubuhan agama bangunkan modal insan berkualiti

UM - 12/05/66  
KUALA LUMPUR 11 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta pertubuhan agama membantu kerajaan membangunkan modal insan yang berkualiti bagi memupuk perpaduan rakyat berbilang bangsa dan agama.

Perdana Menteri berkata, rakyat berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, progresif serta mempunyai sikap terpuji merupakan elemen paling kritikal yang diperlukan bagi mencapai misi nasional dan merealisasikan Rancangan Malaysia

Kesembilan (RMK-9).

"Walaupun terdapat perbezaan fahaman dan pengamalan, semua agama hakikatnya mempunyai ciri-ciri sejagat yang baik.

"Ia mendidik penganutnya mengamalkan nilai-nilai murni dan akhlak yang mulia, cintakan keamanan, kedamaian dan berkehendak pada kemajuan," ujar beliau dalam perutusan sempena Hari Wesak esok.

Ujar Perdana Menteri, masyarakat

akan menjadi lebih selamat dan tenteram jika menghayati dan mengamalkan apa yang diterapkan oleh agama masing-masing.

Abdullah turut menekankan kerajaan sentiasa menggalakkan hubungan harmoni antara penganut pelbagai agama dengan menekankan keperluan untuk saling bekerjasama.

Ujar Perdana Menteri, Malaysia dipandang sebagai negara contoh kerana rakyatnya hidup aman sejahtera dan

bersatu padu walaupun berlainan agama, budaya dan keturunan.

"Kita harus belajar daripada sejarah dan tidak harus leka sehingga keharmonian yang dinikmati musnah begitu sahaja," ujarinya.

Beliau mengucapkan 'Selamat Hari Wesak' kepada rakyat Malaysia beragama Buddha berharap supaya persefahaman dan perpaduan terus ditingkatkan agar negara terus maju, aman dan makmur.